

**KAJIAN PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN  
DAKWAH MUHAMMAD 'UTHMAN EL-  
MUHAMMADY**

**UMMI ZAINAB BINTI MOHD GHAZALI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2020**

**KAJIAN PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN  
DAKWAH MUHAMMAD ‘UTHMAN EL-  
MUHAMMADY**

oleh

**UMMI ZAINAB BINTI MOHD GHAZALI**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**Julai 2020**

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala pujian dan syukur kehadiran Allah s.w.t dan selawat ke atas junjungan mulia Nabi Muhammas s.a.w. Alhamdulillah, dengan limpahan kurniaan dan rahmat serta keizinan daripada Allah, saya dapat menyiapkan penulisan tesis ijazah sarjana sastera dalam pengkhususan Pengajian Falsafah dan Tamadun di Universiti Sains Malaysia. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Muhammad Azizan bin Sabjan selaku penyelia utama. Terima kasih kepada beliau yang banyak membantu dalam memberi bimbingan, dorongan dan tunjuk ajar sepanjang perjalanan dalam menyiapkan kajian penulisan ilmiah ini tanpa mengira waktu. Tanpa bantuan daripada beliau, amat sukar bagi saya untuk menyempurnakan penulisan tesis ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan iaitu Profesor Dr. Narimah Samad, Timbalan Dekan dan para pensyarah Bahagian Falsafah dan Tamadun yang banyak membantu dan memberi saya peluang dalam mempelajari ilmu yang bermanfaat dalam menyempurnakan tesis ini. Tidak lupa juga kepada ibu tercinta Mariah binti Mat Daud yang banyak memberi dorongan dan kata-kata semangat serta berkorban demi kejayaan saya. Terima kasih atas setiap doa yang dititipkan kepada saya. Semoga Allah membalas dan memberi rahmat yang besar buat ibu tersayang serta ahli keluarga yang lain. Akhir kata, semoga segala kebaikan daripada penyelia, ahli keluarga terutama Mohd Suhaimi bin Kamarudin selaku suami tercinta, sahabat handai yang dicurahkan kepada saya sepanjang menyempurnakan tesis ini dibalas oleh Allah kelak. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>SENARAI KEPENDEKAN</b> .....	<b>ix</b>
<b>SENARAI TRANSLITERASI</b> .....	<b>x</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>xii</b>
<b>SENARAI GAMBAR</b> .....	<b>xiii</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>xiv</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xvi</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b> .....	<b>1</b>
1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Pernyataan Masalah Kajian .....	10
1.3 Persoalan Kajian .....	14
1.4 Objektif Kajian .....	15
1.5 Skop Kajian .....	15
1.6 Limitasi Kajian .....	16
1.7 Kepentingan Kajian .....	17
1.8 Kajian Literatur .....	18
1.9 Metodologi Penyelidikan .....	28
1.9.1 Pendekatan Kajian .....	29
1.9.2 Pengumpulan Data .....	30
1.9.2.1 Data Dari Kepustakaan .....	30
1.9.2.2 Teknik Pengolahan Data .....	32
1.9.2.3 Metode Penganalisan Data .....	33
1.9.2.3.1 Metode Indukrif .....	33
1.9.2.3.2 Metode Deduktif .....	34

<b>BAB 2</b>	<b>KONSEP DAKWAH .....</b>	<b>37</b>
2.1	Pengenalan .....	37
2.2	Definisi Dakwah.....	38
2.2.1	Pengertian Dakwah Secara Etimologi.....	42
2.2.2	Pengertian Dakwah Secara Terminologi.....	47
2.3	Istilah Yang Berkaitan Dengan Dakwah.....	51
2.3.1	Perkataan al-Amār Ma'rūf .....	54
2.3.2	Perkataan Nāhy' Mūnkar .....	57
2.3.2.1	Tābliḡ.....	60
2.3.2.2	Tābshir dan Indhār .....	63
2.4	Bahasa Dakwah.....	66
2.4.1	Qaulan Layyina.....	66
2.4.2	Qaulan Bāligha .....	68
2.4.3	Qaulan Māysūra.....	71
2.4.4	Qaulan Kārima.....	72
2.4.5	Qaulan Sādida .....	74
2.4.6	Qaulan Mā'rūfa.....	76
2.5	Ruang Lingkup Dakwah .....	79
2.5.1	Dakwah Lisan (al-Da'wah bi al-Lisan) .....	80
2.5.2	Dakwah Tulisan (al-Da'wah bi al-Kitabah).....	83
2.5.3	Dakwah keteladanan (al-Da'wah bi al-Hal) .....	87
2.6	Konsep Dakwah .....	88
2.6.1	Konsep Pegangan <i>Ahli Sunnah Wa al-Jamā'ah</i> .....	88
2.6.2	Konsep Gerakan Dakwah Politik.....	91
2.6.3	Politik Sebagai Instrumen Dakwah .....	94
2.6.4	Politik Sebagai Wasilah Dakwah.....	96
2.6.5	Isu-Isu Agama.....	97

2.6.5.1	Kebebasan Beragama .....	97
2.6.5.2	Pluralisme Agama .....	99
2.6.5.3	Islam Liberal .....	100
<b>BAB 3 LATAR BELAKANG KEHIDUPAN MUHAMMAD</b>		
	<b>‘UTHMAN EL-MUHAMMADY .....</b>	<b>104</b>
3.1	Pengenalan.....	104
3.2	Biografi Muhammad ‘Uthman El-Muhammady .....	105
3.2.1	Nama, Salasilah Keluarga.....	105
3.2.2	Perkahwinan .....	105
3.2.3	Pendidikan .....	106
3.2.4	Pemikiran Dalam Bidang Agama .....	108
3.2.5	Kembara Intelektual.....	111
3.2.6	Kerjaya.....	114
3.2.7	Sumbangan Keilmuan.....	117
3.2.8	Pengiktirafan Kepakaran .....	122
3.2.9	Penghormatan Masyarakat Terhadap Muhammad Uthman El-Muhammady .....	124
<b>BAB 4 PEMIKIRAN DAKWAH ‘UTHMAN EL-MUHAMMADY .....</b>		
<b>125</b>		
4.1	Pengenalan.....	125
4.2	Hubung Kait Islam, Pemikiran Islam dan Dakwah .....	126
4.2.1	Islam .....	126
4.2.2	Pemikiran Islam .....	126
4.2.3	Dakwah .....	127
4.2.4	Pandangan ‘Uthman El-Muhammady .....	128
4.2.5	Dakwah Islamiyyah Di Malaysia.....	128
4.2.6	Aspek <i>Ahli Sunnah Wa al-Jama’ah</i> .....	129
4.2.7	Akhlak Dalam Islam .....	130

4.2.8	Aspek Kebudayaan .....	133
4.2.9	Aspek Penulisan.....	135
4.2.10	Islam Sebagai <i>Al-Din</i> .....	137
4.2.11	Pimpinan Dalam Islam .....	142
4.2.12	Pendidikan Dalam Islam.....	144
4.2.13	Konsep Akidah .....	147
4.2.14	Teori Sosial.....	150
4.2.15	Hukum-Hakam .....	153
4.2.16	Kegagalan Pendidikan ‘Liberal’ .....	156
4.2.17	Islam dan Sekularisme.....	159
4.3	Pendakwah ( <i>Da’i</i> ).....	163
4.4	Kaedah Dakwah.....	166
4.5	Dasar-Dasar Dakwah.....	169
4.6	Organisasi Dakwah.....	170
4.6.1	Individu.....	171
4.6.2	Keluarga.....	172
4.6.3	Masyarakat.....	172
4.7	Cabaran Dakwah.....	173
4.7.1	Aliran fahaman Pluralisme .....	174
4.7.1.1	Huraian Pluralisme Menurut Perspektif John Hick.....	175
4.7.2	Kemunculan Ajaran Sesat.....	179
4.8	Analisis Pemikiran Dakwah ‘Uthman El-Muhammady.....	181
<b>BAB 5 PERJUANGAN DAKWAH MUHAMMAD</b>		
<b>‘UTHMAN EL-MUHAMMADY .....</b>		<b>183</b>
5.1	Pengenalan.....	183
5.2	Perjuangan Dakwah ‘Uthman El-Muhammady.....	184
5.2.1	Usaha memartabatkan akidah <i>Ahli Sunnah Wa Al-Jama’ah</i> .....	184

5.2.1.1	Golongan Yang Selamat.....	189
5.2.1.2	Dasar-dasar <i>Ahli Sunnah wa al-Jama'ah</i> .....	192
5.2.2	Ancaman Terhadap Akidah Islam .....	193
5.2.3	Pendedahan atau Pencerahan Falsafah Pluralisme .....	194
5.2.3.1	Isu-Isu Dalam Pluralisme .....	196
5.2.4	Ajaran Akidah Wahhabiyyah .....	207
5.2.5	Cabaran Syiah.....	222
5.2.6	Cabaran Isu Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT) Dan Hubungan <i>Gender</i> Dalam Islam .....	229
5.2.7	Gerakan Kebangsaan Malaysia Yang Tidak Bercangguh Dengan Konsep Asabiyyah .....	238
5.2.7.1	Majalah ' <i>al-Imam</i> ' .....	238
5.2.7.2	Penubuhan <i>United Malays National Organization</i> (UMNO) .....	240
5.2.7.3	Konsep Asabiyyah Dari Sudut Kebangsaan Malaysia.....	244
5.3	Penggunaan Media Sebagai Wasilah Dakwah .....	246
5.3.1	Melalui Majalah ' <i>Pengasuh</i> ' .....	246
5.3.2	Melalui Pertubuhan Al-Rahmaniah dan Majalah ' <i>al-Nur</i> ' .....	247
5.3.3	Melalui Media Massa .....	248
5.3.4	Melalui Media Sosial <i>YouTube</i> .....	248
5.4	Melalui Program Dakwah.....	250
5.5	Melalui Institusi Agama dan Akademik .....	252
5.6	Melalui Badan Kerajaan dan Pertubuhan .....	253
<b>BAB 6</b>	<b>SARANAN, KESIMPULAN DAN PENUTUP.....</b>	<b>255</b>
6.1	Saranan .....	255
6.2	Kesimpulan .....	257
6.3	Penutup .....	259



**BIBLIOGRAFI..... 264**

**APENDIK**

**PENERBITAN**

## SENARAI KEPENDEKAN

Ibid – ‘*Ibidem*’ membawa maksud sama dengan rujukan yang disebut di atas

s.a.w - *Ṣalla Allah aliyh wa al-salām*

s.w.t - *Subhānahu wata’āla*

r.d – *radi’allah hu’ānhu*

a.s – ‘*alayh al-salām*

Juz. – Juzuk

Jil. – Jilid

cet.- Cetakan

t.t – Tanpa Tahun

H - Hijriyah

M – Masihi

Terj. – Terjemahan

t.t – Tanpa Tarikh

Op. Cit. – Sumber yang telah disebut sebelumnya tetapi diselangi dengan sumber yang lain

## SENARAI TRANSLITERASI

Sebutan Arab	Huruf Arab	Transliterasi Rumi
<i>alif</i>	ا	-
<i>ba'</i>	ب	b
<i>ta'</i>	ت	t
<i>tha'</i>	ث	th
<i>jim</i>	ج	j
<i>ha'</i>	ح	ḥ
<i>kha'</i>	خ	kh
<i>dal</i>	د	d
<i>dhal</i>	ذ	dh
<i>ra'</i>	ر	r
<i>zay</i>	ز	z
<i>sin</i>	س	s
<i>syin</i>	ش	sy
<i>sad</i>	ص	ṣ
<i>dad</i>	ض	ḍ
<i>ta'</i>	ط	ṭ
<i>za'</i>	ظ	ẓ
<i>ayn</i>	ع	a
<i>ghayn</i>	غ	gh
<i>fa'</i>	ف	f

<i>qaf</i>	ق	q
<i>kaf</i>	ك	kh
<i>lam</i>	ل	l
<i>mim</i>	م	m
<i>nun</i>	ن	n
<i>waw</i>	و	w
<i>ha'</i>	ه	h
<i>hamzah</i>	ء	a/a'
<i>ya'</i>	ي	y
<i>ta'</i>	ة	t

Panduan di atas menunjukkan sebutan Arab, huruf Arab dan merumikan perkataan dalam bahasa Arab merujuk kepada kaedah transliterasi yang digunakan pada peringkat global.

## SENARAI JADUAL

<b>Bil</b>	<b>Topik Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
1.	Makalah-Makalah 'Uthman El-Muhammady	136

## SENARAI GAMBAR

<b>Bil</b>	<b>Topik Gambar</b>	<b>Muka Surat</b>
1.	Gambar 'Uthman El-Muhammady 1	282
2.	Gambar 'Uthman El-Muhammady 2	283

# KAJIAN PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN DAKWAH MUHAMMAD

‘UTHMAN EL-MUHAMMADY

## ABSTRAK

Muhammad ‘Uthman El-Muhammady merupakan salah seorang tokoh pemikir Islam yang terkenal di Malaysia mahupun Nusantara. Beliau memiliki pengaruh yang besar dalam perkembangan penyebaran dakwah dan intelektual. Kepentingan pengaruhnya dapat dirasakan dalam segenap aspek kehidupan masyarakat Islam di rantau ini menerusi hasil makalah-makalah beliau selain peranan aktifnya dalam penyebaran dakwah serta ilmu sepanjang hayatnya. Justeru, sumbangan dari aspek pemikiran dan perjuangan beliau telah menjadi fokus utama dalam kajian ini. Metode analisis deskriptif akan digunakan dalam kajian ini yang mana penulis akan merujuk serta menganalisis pemikiran ‘Uthman El-Muhammady berdasarkan tulisan beliau dalam makalah-makalah dan buku-buku yang ditulis oleh beliau serta transkripsi ucapan beliau daripada sumber audio visual. Dapatan kajian mendapati bahawa Muhammad ‘Uthman El-Muhammady merupakan pejuang tegar *ahli Sunnah wa al-Jama’ah* dalam kalangan para ilmuan Nusantara. Malah, konsep pemikiran beliau dari perspektif penyebaran dakwah Islam lebih tertumpu kepada ajaran *ahli Sunnah wa al-Jama’ah*. Keprihatinan beliau terhadap nasib ummah dalam kemelut permasalahan isu agama terutama dari sudut amalan dan serangan pemikiran gerakan Barat menjadikan beliau berusaha merungkai dan menyelesaikan dengan cara yang bijaksana berlandaskan ajaran al-Quran, al-Sunnah, al- Ijma’ dan al-Qiyas. Bahkan, beliau juga pejuang dalam menentang unsur-unsur pemikiran dan ideologi moden yang dibawa daripada golongan gerakan Barat seperti fahaman Sekularisme, Pluralisme Agama dan ajaran daripada Timur Tengah seperti fahaman Wahhabiyyah, Syiah dan sebagainya. Beliau telah menggunakan metode dalam menganalisis

diagnostik setiap permasalahan yang timbul dan mencari jalan penyelesaian serta berjaya dalam komunikasi dengan masyarakat. Hasil kajian mendapati bahawa pemikiran yang ditonjolkan oleh Muhammad ‘Uthman El-Muhammady dalam bidang intelektual dapat dijadikan sebagai iktibar dan rujukan umat Islam dalam menghadapi serta menangani kemelut serangan pemikiran yang bertentangan dengan ajaran Islam dengan cara yang sebaik-baiknya.



# A STUDY OF MUHAMMAD ‘UTHMAN EL-MUHAMMADY THOUGHTS AND MOVEMENT

## ABSTRACT

Muhammad ‘Uthman El-Muhammady was a leading and prominent intellectual thinker in Malaysia. His far-reaching influence and standing stretched outward encompassing the larger Malay archipelago region in Southeast Asia. His many contributions towards championing Islamic course have touched many souls and impacted many lives, achieved through the dissemination of his articles and his active engagement in public lectures. He had dedicated his whole live towards fulfilling his mission of upholding the true Islamic faith. Hence, his voluminous contributions, viewed from the aspect of his thinking and his sacrifices, will be the focal point of this study. This study employed descriptive research method, drawing upon historical fact and by descriptively analysing the content of his articles, books and audio visual content. Result showed that Muhammad ‘Uthman El-Muhammady was an ardent expounder of *ahlus Sunnah wa al-Jama’ah* in the region. In fact, his foremost concept of da’wah was grounded upon the practice of the tradition of *ahlus Sunnah wa al-Jama’ah*. His utmost concern was the fate of his fellow Muslims, whose faith were continuously attacked with western propaganda and misguided belief, forcing him to take meditative action in synthesizing and executing the solution according to al-Quran, al-Sunnah, al- Ijma’ dan al-Qiyas. He also opposed all kind of degrading modern ideologies originated from the west such as secularism and plurarism, as well as extreme Islamic teachings from the middle east, Wahhabiyyah and Syiah in particular. He had deployed diagnostic analysis method in almost every surfacing problems confronting the community, and successfully reaching admirable solutions in each of his endeavour to transmit the true

understanding of Islam to the society at large. Result showed that Muhammad Uthman El-Muhammady intellectual contribution against the hostile and opposing Islamic thinking has monumental value and should be inscribed as a reference for future generation

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Secara umumnya, golongan inteligensia atau ulama ialah seseorang yang mempunyai intelektual ilmu yang meluas dan mendalam dalam bidang ilmu agama mahupun dalam ilmu keduniaan.<sup>1</sup> Keilmuan yang dimiliki oleh seseorang tokoh inteligensia dapat menggarapkan dan mengembangkan ilmu tersebut bersesuaian dengan bidang kepakaran sehingga lahir beberapa disiplin atau cabang ilmu yang lain. Kewujudan golongan inteligensia dalam suatu kelompok masyarakat menjadi faktor asas yang utama kepada pembinaan akal dan jiwa serta diri dan tamadun sesuatu bangsa umat manusia.<sup>2</sup>

Bidang keilmuan dakwah agama sangat sinonim dengan golongan inteligensia. Menurut Abd Aziz Mohd Zain, seruan dakwah kepada umat Islam adalah merupakan suatu tuntutan rabbani yang Allah telah menciptakan manusia untuk ditugaskan sebagai khalifah di muka bumi ini.<sup>3</sup> Manakala menurut Muhammad Asad, dakwah Islam bersifat universal sebagai rahmat *li'l-'Alamin* (rahmat bagi sekalian alam) sebagai umat yang pertengahan (*ummatan wasatan*), yang turut

---

<sup>1</sup> Surtahman Kastin Hasan, Pemikiran Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Ekonomi, *Jurnal Usuluddin*, (2004).

<sup>2</sup> Ismail Mina Ahmad, *Muhammad 'Uthman El-Muhammady Inteligensia Muslim Kontemporari*, (Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia, 2014), 2.

<sup>3</sup> Abd Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi s.a.w.*, (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012). Lihat juga, Muhamad Alihanafiah Norasid, Mohamad Hasbullah Salim, "Manhaj Dakwah Oleh Syeikh Sa'id Hawwa Dalam Pembangunan Rabbani: Satu Sorotan Ringkas", *Isu-Isu Dakwah Semasa*, E-Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah & Pembangunan Insan, (2013), 2.

digerakkan oleh kekuatan umat yang bangkit dengan nilai perjuangan yang tulen dan sejati.<sup>4</sup>

Menurut Zulkifli Dahalan, perkembangan dakwah Islam di Malaysia secara umumnya didukung oleh badan-badan dakwah sama ada yang ditubuhkan secara langsung di bawah agensi kerajaan seperti JAKIM<sup>5</sup>, IKIM<sup>6</sup>, JKMPKA<sup>7</sup>, ABIM<sup>8</sup> mahupun badan-badan dakwah yang bergerak hasil daripada bantuan dan sokongan masyarakat Islam di Malaysia<sup>9</sup>. Hal ini jelas dapat dilihat, apabila perkembangan dakwah Islam di Malaysia kebanyakannya dipelopori oleh segelintir tokoh-tokoh pemikir dan cendekiawan Islam yang terkenal iaitu antaranya adalah Syeikh Tahir Jalaludin<sup>10</sup>, Pendeta Zaaba<sup>11</sup>, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat<sup>12</sup>, HAMKA<sup>13</sup>,

---

<sup>4</sup> Muhammad Asad, *Sahih al-Bukhari; The Early Years of Islam*, (Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 2003).

<sup>5</sup> JAKIM yang dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1997. Penubuhan JAKIM dilihat sebagai salah satu landasan dalam memenuhi keperluan masyarakat Islam seiring dengan perkembangan dan pembangunan negara. Peranan yang dijalankan oleh JAKIM adalah penggubalan dan penyeragaman undang-undang syarak, penyelarasan pentadbiran Islam dan penyelarasan dan pembangunan pendidikan Islam. Lihat, Wan Mohamad bin Sheikh Abdul Aziz, *Pelan Penyelarasan Perundangan Islam Di Malaysia: Peranan dan cabaran JAKIM*, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (2011), 2.

<sup>6</sup> IKIM iaitu Institut Kefahaman Islam Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1992. Matlamat penubuhan IKIM ini adalah untuk memberikan kefahaman yang tepat mengenai Islam kepada seluruh masyarakat. Lihat, Mahfuzah Zohdi, Yusri Mohammad Ramli & Jaffary Awang, Peranan dan Sumbangan JAKIM dalam Dialog antara Agama, *International Journal of Islamic Thought*, (2014), 6, 27.

<sup>7</sup> JKMPKA iaitu Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama yang telah ditubuhkan pada 24 Februari 2010. Tujuan penubuhan agensi ini adalah untuk membantu kerajaan mempromosikan persefahaman dan keharmonian antara penganut agama di Malaysia. Lihat, Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional. Jabatan Perdana Menteri. Laman Web Rasmi, <http://www.jpnin.gov.my/ms/jawatankuasa-mempromosikan-persefahaman-dan-keharmonian-antara-penganut-agama-jkmpka>. Diakses pada 10 April 2017.

<sup>8</sup> ABIM nama penuh ialah Angkatan Belia Islam Malaysia ditubuhkan pada tahun 1971. Penubuhan agensi ini telah memulakan langkah dengan mengadakan dialog agama antara penganut Islam dan Konfusianisme sekitar tahun 1970-an sejurus selepas penubuhannya. Ibid, 27.

<sup>9</sup> Zulkifli Dahalan, Al-Rahmaniah: Sejarah dan Peranan yang pernah dimainkannya dalam Aktiviti-aktiviti Dakwah Islamiah di Malaysia, *Academic Journal ESTEEM*, (2008), 4. Lihat, Noorzahidah, Sheikh Tahir Jalaluddin, dan Karya Bertulisan Jawi Beliau Di Arkib Negara Malaysia, *Jurnal Al-Muqaddimah*, (2014), 2, 133-150.

<sup>10</sup> Nama sebenar Sheikh Tahir Jalaluddin ialah Muhammad Tahir Syeikh Muhammad Jalaluddin lahir pada 9 Disember 1869 di Surau Kamba, Kota Tua, Ampek Angkek, Bukit Tinggi, Sumatera Barat. Beliau berasal dari keturunan Melayu Minangkabau dan lebih dikenali dengan panggilan Tuanku Muhammad atau Tuanku Cangking. Beliau ialah seorang

Syeikh Daud Pattani<sup>14</sup>, Syed Sheikh al-Hadi<sup>15</sup>, Syed Muhammad Naquib al-Attas<sup>16</sup> dan sebagainya.<sup>17</sup>

Muhammad ‘Uthman El-Muhammady<sup>18</sup> (1943-2013), merupakan seorang tokoh penulis, pemikir dan cendekiawan Islam yang terkenal di Malaysia malahan di Nusantara juga. Beliau banyak menyumbangkan ilmu dan menulis artikel serta kertas kerja dalam berbagai bidang pemikiran Islam dan budaya Melayu serantau. Penglibatan beliau dalam dunia akademik turut memberi satu gerakan reformasi dalam dunia dakwah Islam<sup>19</sup>.

Pemikiran dakwah ‘Uthman El-Muhammady banyak menyumbang dan menyemarakkan pertumbuhan idea dan dakwah dalam konteks penghasilan makalah-

---

tokoh yang banyak menulis makalah dalam tulisan Jawi. Beliau juga merupakan seorang tokoh yang pakar dalam bidang ilmu falak serta tokoh pembaharuan di Tanah Melayu. Lihat, Noorzahidah Mohd Zain, Faisal@Ahmad Faizal Abdul Hamid, Sheikh Tahir Jalaluddin, dan Karya Bertulisan Jawi Beliau Di Arkib Negara Malaysia, *Jurnal al-Muqaddimah* (2014), 2, 1, 29-38.

<sup>11</sup> Nama penuh ialah Zainal Abidin bin Ahmad yang dilahirkan pada tahun 1895 di daerah pedalaman Negeri Sembilan. Za’ba dikenali sebagai seorang pendeta Melayu kerana beliau memberi sumbangan yang besar dalam bidang penulisan. Pemikiran beliau lebih menjerumus ke arah Islam, pendidikan, bahasa Mealyu, ekonomi dan politik orang Mealyu pada ketika itu. Lihat, Adnan Haji Awang, *Pemikiran Za’ba Tentang Kemajuan Melayu*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1995), 1-2.

<sup>12</sup> Tuan Guru Hj Nik Abdul Aziz b. Nik Mat ialah seorang tokoh ulama yang tidak asing lagi dalam politik di Malaysia. Beliau dilahirkan di Kampung Pulau Melaka, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1931 dalam satu keluarga ilmuan Islam. Sumbangan beliau terlalu besar sebagai penggerak pembangunan negeri Kelantan yang selaras dengan dasar Islam. Beliau turut digelar sebagai ulama kerana memiliki keilmuan yang tinggi dalam bidang agama. Lihat, Surtahman Kastin Hasan, *Pemikiran Tuan Guru Dato’ Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Ekonomi*, *Jurnal Usuluddin*, (2004).

<sup>13</sup> Deliar Noer, *The Modernist Muslim Movement in Indonesia, 1900-1942*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1973), 31-33.

<sup>14</sup> Lihat, Fauzi Deraman, *Kedudukan Hadith dalam Kitab Jawi: Satu kajian terhadap karya-karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Pattani*, Tesis Ph.D untuk Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, (1997).

<sup>15</sup> Ibrahim Abu Bakar, *Islamic Modernism in Malaya: Reference to Syed Sheikh al-Hadi*, (1994).

<sup>16</sup> Mohd Nor Wan Daud, *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of The Original Concept of Islamization*, (1998).

<sup>17</sup> Zukifli Dahalan, *Al-Rahmaniah: Sejarah dan Peranan yang pernah dimainkannya dalam Aktiviti-aktiviti Dakwah Islamiah di Malaysia*, 4. Lihat, Noorzahidah, Sheikh Tahir Jalaluddin, dan Karya Bertulisan Jawi Beliau Di Arkib Negara Malaysia, *Jurnal Al-Muqaddimah*, (2014), 2,133-150.

<sup>18</sup> Perenggan seterusnya akan dipanggil ‘Uthman El-Muhammady.

<sup>19</sup> Abdul Razak Mahmud,ed., *Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama’ah, Sebuah Huraian dari Perspektif Ajaran Ahli Sunnah wa Al-Jama’ah, Sebuah Huraian dari Perspektif Sejarah dan Konsep*, (Kelantan: Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), 2014).

makalah serta penglibatan beliau dalam dunia akademik telah menonjolkan ketokohan beliau sebagai seorang pendakwah yang disegani. Menurut Ismail Mina Ahmad, penglibatan beliau dalam gerakan dakwah bukan sahaja menjadikan beliau sebagai tokoh murabbi yang dihormati malah beliau turut kaya dengan pengalaman tetapi juga menawarkan suatu perspektif dakwah baru yang sesuai dengan perkembangan ilmu dakwah yang dinamik.<sup>20</sup>

Menurut Zakaria Stapa, sejarah awal kehidupan ‘Uthman El-Muhammady ialah beliau dilahirkan pada 9 Februari 1943 di Kampung Telok, Panji, Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.<sup>21</sup> Beliau dibesarkan dalam keluarga yang cukup sederhana. Didikan ilmu agama yang diberikan oleh bapa beliau menjadikan ‘Uthman El-Muhammady bercita-cita dan menyimpan hasrat untuk menjadi seorang insan yang dapat memberi ilmu dan berbakti kepada masyarakat kelak. Sejak dari zaman sekolah lagi beliau suka membaca buku dan mahir berbahasa Inggeris serta mempunyai sifat yang disenangi oleh rakan-rakan dan orang disekeliling beliau. Beliau terkenal dengan sikap sopan, beradab, amanah dan jujur dalam kalangan rakan-rakan beliau<sup>22</sup>.

Setelah usianya meningkat enam tahun, beliau telah memasuki alam persekolahan secara formal di Sekolah Kebangsaan Rambutan Rendang, daerah Panji Kota Bharu, Kelantan dalam sekitar tahun 1949 sehingga 1955. Setelah tamat pengajian pada peringkat sekolah kebangsaan, beliau meneruskan pengajian dan memasuki “*Special Malay Class*” di Maktab Sultan Ismail atau Sultan Ismail College Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1955 dan telah menamatkan pengajian selama lima

---

<sup>20</sup> Ismail Mina Ahmad, *Muhammad ‘Uthman El-Muhammady Inteligensia Muslim Kontemporari*, (Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia, 2014), 159-161.

<sup>21</sup> Zakaria Stapa, *Muhammad Uthman El-Muhammady 1943-2013*, (UKM: Fakulti Pengajian Islam, 2014), 162.

<sup>22</sup> Yasmun Muhammad, *Pengasuh*, (Kelantan: Majalah Bulanan Dakwah dan Hadharat Islamiah, Edisi Mac/April, 2013), 2.

tahun iaitu pada tahun 1960. Namun pada tahun 1962, ‘Uthman El-Muhammady melanjutkan pengajian pada peringkat menengah atas di Maktab Sultan Abdul Hamid Alor Setar, Kedah. Beliau mendapat keputusan yang baik dan lulus dalam peperiksaan *High School Certificate* (HSC) dengan jayanya.<sup>23</sup>

Seterusnya, ‘Uthman El-Muhammady meneruskan pengajian ke peringkat Ijazah di Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur. Pada tahun 1966, beliau dengan jayanya telah mendapat B.A. dalam bidang Pengajian Islam dan menjadi tutor di universiti tersebut. Pengajian beliau tidak terhenti di peringkat ijazah tetapi beliau meneruskan lagi ke peringkat Sarjana dan memperoleh M.A. pada tahun 1969. Ketika beliau menuntut di universiti, beliau telah bergiat aktif dalam persatuan dakwah dan ini menjadikan beliau sebagai ketua dalam setiap program yang dianjurkan oleh fakulti mahupun persatuan.<sup>24</sup>

Setelah menamatkan pengajian di peringkat Sarjana, ‘Uthman El-Muhammady telah memulakan kerjaya yang pertama di Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya sebagai seorang pengajar. Namun pada tahun 1973, beliau mengambil keputusan untuk berhenti dari menjadi pengajar dan kembali ke tempat kelahiran di Kelantan untuk menjadi seorang penulis dan pendakwah bebas sepenuh masa. Beliau berbuat demikian kerana ingin memberi sepenuh perhatian dan fokus terhadap bidang penulisan dan aktiviti dakwah.

Pencapaian ‘Uthman El-Muhammady dalam dunia akademik dapat dilihat dengan perlantikan Felo Kehormat Institut Kefahaman Islam kepada beliau pada tahun 1995 sehingga 2008. Namun pada tahun 2010, beliau telah dilantik semula sebagai Felo Kehormat. Seterusnya, pencapaian beliau yang lain adalah beliau telah

---

<sup>23</sup> Ibid, 2.

<sup>24</sup> Zakaria Stapa, *Muhammad Uthman El-Muhammady 1943-2013*, 163.

dikurniakan Ijazah Doktor Persuratan Kehormat (D.Litt) oleh Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1995. Penganugerahan yang diterima oleh beliau ini kerana jasa dan usaha-usaha dalam penulisan yang beliau hasilkan mengenai pemikiran Islam dalam menyampaikan sesuatu dakwah. Beliau turut dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan pada 10 Februari 2005 bersamaan 1426 H<sup>25</sup>.

Selain itu, ‘Uthman El-Muhammady dilantik menjadi Anggota Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Karyawan. Keperibadian yang ada pada diri beliau menjadikan beliau diberikan kepercayaan oleh pihak Yayasan Karyawan sebagai salah seorang individu kepada Anggota Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Karyawan<sup>26</sup>. Di samping itu juga, beliau bekerja sebagai pensyarah sambilan di peringkat ijazah sarjana dalam bidang perbandingan agama di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Seterusnya, ‘Uthman El-Muhammady juga merupakan Felo Akademik Yang Amat Utama di *International of Islamic Thought and Civilization* (ISTAC) dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Beliau turut memperkenalkan konsep Pendidikan Islam yang bersifat bersepadu dengan mengemukakan idea-idea baru dalam makalah yang berhubung dengan pendidikan Islam sejagat.

Bakat dan minat ‘Uthman El-Muhammady dalam dunia penulisan dakwah menjadikan beliau dikenali dalam kalangan para ilmuan intelektual Islam di Malaysia mahupun di luar. Penulisan yang beliau hasilkan dalam pembentukan pemikiran keilmuan merangkumi bidang dakwah iaitu dari segi akidah, akhlak, budaya dan falsafah serta isu-isu dalam agama. Antara salah satu minat yang beliau tunjukkan adalah minat terhadap pembinaan ummah. Beliau ingin menentengahkan Nusantara

---

<sup>25</sup> Yasmun Muhammad, *Pengasuh*, 3.

<sup>26</sup> Zakaria Stapa, *Muhammad ‘Uthman El-Muhammady 1943-2013*, 167.



sebagai tempat sunni yang perlu dipertahankan demi menjaga kebenaran akidah serta dapat mengawal sifat homogennya demi keselamatan manusia sejagat.<sup>27</sup>

Menurut Zukifli Dahalan, pada tahun 1963, ‘Uthman El-Muhammady telah dilantik menjadi Yang Di-Pertua bagi Pertubuhan Al-Rahmaniah<sup>28</sup> dan memimpin kepada terbitan majalah ‘*al-Nur*’<sup>29</sup> dengan dibantu oleh beberapa tenaga pengajar dari Kolej Islam Melayu seperti Daeng Sanusi bin Daeng Mariok dan Ustaz Hassan Bin Salih. Beliau sendiri menulis makalah-makalah yang terdapat dalam majalah ‘*al-Nur*’. Penulisan beliau telah diterima pakai oleh masyarakat dan para ilmuan sarjana Islam di seluruh dunia. Selain itu juga, beliau turut terlibat dengan penulisan penterjemahan dari buku-buku bahasa Arab dan bahasa Inggeris kepada buku bahasa Melayu serta tulisan-tulisan asli. Seterusnya, beliau banyak mengarang makalah-makalah yang dibentangkan dalam seminar-seminar yang dianjurkan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Makalah-makalah yang dihasilkan oleh beliau lebih kepada isu agama Islam terutamanya dari segi akidah, akhlak, budaya, kerohanian dan falsafah<sup>30</sup>.

Tokoh ‘Uthman El-Muhammady pernah menyandang jawatan sebagai Pakar Perunding Agama bagi Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) di Terengganu. Beliau juga turut menjadi ahli dewan redaksi majalah ‘*Pengasuh*’<sup>31</sup> iaitu keluaran Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Beliau banyak bergiat aktif dalam

---

<sup>27</sup> Ibid, 165-166.

<sup>28</sup> Pertubuhan Al-Rahmaniah atau Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Se-Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1967. Tujuan utama pertubuhan ini adalah satu usaha gerakan dalam penyebaran dan penerapan dakwah dalam kalangan golongan mahasiswa Islam dan belia. Lihat, Zukifli Dahalan, *Al-Rahmaniah: Sejarah dan Peranan yang pernah dimainkannya dalam Aktiviti-aktiviti Dakwah Islamiah di Malaysia*, 4.

<sup>29</sup> Lihat, Yasmun Muhammad, *Pengasuh*, 3.

<sup>30</sup> Zukifli Dahalan, *Al-Rahmaniah: Sejarah dan Peranan yang Pernah Dimainkannya dalam Aktiviti-aktiviti Dakwah Islamiah di Malaysia*, 4.

<sup>31</sup> Majalah ‘*Pengasuh*’ merupakan sebuah majalah yang diterbitkan pada tahun 1918 khususnya di Kelantan. Fokus utama penulis majalah ‘*Pengasuh*’ ialah persoalan *islah* dan perubahan sikap serta cara hidup orang Melayu pada awal abad ke-20. Lihat, Ahmad Faisal Abdul Hamid, *Pemikiran Islah Majalah ‘Pengasuh’ Tahun 1918*, *Jurnal Al-Tamaddun*, (2013), 8.

menyampaikan dakwahnya semasa hayat beliau. Semasa beliau kembali ke Kelantan, beliau banyak memberi tumpuan dalam melaksanakan pengajian kitab-kitab agama dan memperoleh banyak jemputan ceramah di sekitar masjid-masjid di Pasir Mas dan Kota Bharu, Kelantan. Beliau turut menjadi ikon kepada anak-anak muda Kelantan dalam menyampaikan dakwah Islam.

Menurut Norrodzoh Hj Siren, aliran dakwah pada masa kini menunjukkan para ilmuan di seluruh pelosok dunia mempunyai pemikiran dan metode yang pelbagai sedang giat bergerak untuk mencapai matlamat dakwahnya ke arah mengajak manusia tanpa mengenal erti lelah dan jemu. Dalam konteks Islam, dakwah merupakan satu jalan utama dalam membimbing dan mengajak manusia ke arah kebaikan dengan nilai-nilai terpuji yang telah dituntut oleh agama.<sup>32</sup> Justeru, tugas dakwah adalah satu tugas yang wajib disampaikan pada pihak lain dan ini merupakan satu proses perkembangan ilmu dakwah.<sup>33</sup>

Menurut Zulkipli, setiap umat Islam mempunyai peranan wajib menyampaikan dakwah dan mesej mengikut kadar kemampuan diri mereka kerana mereka adalah seorang pendakwah (*dā'i*)<sup>34</sup>. Dakwah dalam Islam menjadi kewajipan bagi umat Islam yang wajib dilaksanakan sama ada secara individu mahupun secara kolektif. Maksud mesej yang wajib disampaikan kepada masyarakat adalah berbentuk mesej kebaikan dan mencegah kemungkaran yang berpandukan kepada al-Quran<sup>35</sup> dan hadith<sup>36</sup>.

---

<sup>32</sup> Achmad Mubarak, *al-Irsyad al-Nafs, Konseling Agama: Teori dan Kasus*, (Jakarta: PT Bina Rena Pariwara, 2000), xxiii.

<sup>33</sup> Norrodzoh Hj Siren, *Isu-Isu Dakwah Semasa, E-Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah & Pembangunan Insan*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013).

<sup>34</sup> Perkataan *dā'i* yang merujuk kepada pendakwah akan diguna pakai dalam ayat yang seterusnya.

<sup>35</sup> Al-Quran ialah kalam Allah yang bersifat mukjizat kepada manusia dan jin, diturunkan kepada Rasulullah untuk menjadi perlembagaan dalam dakwah baginda mengajak manusia kepada Islam. Al-Quran terdiri daripada 77,865 kalimah, 6236 ayat dan 114 surah seperti

Dengan kata lain, dakwah merupakan seruan kepada seluruh manusia sejagat terhadap sesuatu perkara untuk menggalakkan mereka mengerjakan bagi mendapatkan sesuatu hasil yang baik di dunia mahupun di akhirat serta menjauhkan mereka dari perkara mungkar yang dapat menjerumus mereka ke lembah kebinasaan<sup>37</sup>.

Antara salah satu pemikiran yang dibawa oleh tokoh ‘Uthman El-Muhammady adalah menyentuh kepada dakwah yang melibatkan usaha memartabatkan *ahli Sunnah wa al-Jamā’ah* sebagai pemangkin kelangsungan masyarakat Islam *Madani* di Malaysia.<sup>38</sup> Menurut ‘Uthman El-Muhammady, setelah sekian lama ajaran *ahli Sunnah wa al-Jamā’ah* telah menjadi pegangan yang utuh dan menyatu-padukan seluruh umat Islam di Malaysia mahupun Nusantara dengan kefahaman Islam yang seragam. Pegangan akidah *ahli Sunnah wal Jamā’ah* ini berasaskan kepada ajaran fekah berpandukan mazhab Syāfi’e dan akhlak berpandukan kepada *tasāwūf* Imām Al-Ghazāli, serta ajaran akidah dari Imam Al-Ash’ari<sup>39</sup>.

---

yang terkandung dalam *mūshāf al-Quran* susunan ulama al-Kufiyyun mengikut riwayat Hafṣ bin Sulayman bin al-Mughirah al-Asadi al-Kufi (m.180 H). Fahmi al-Syafi’I, Hussayn Muhammad, *al-Dālil al-Mūfāhris li Alfaz al-Quran al-Karim*, (Kaherah: Dar al-Salam, 1998), 5.

<sup>36</sup> Terdapat 45 hadith yang khusus tentang kepentingan dan kemuliaan ilmu yang terhimpun di bawah tajuk bab *Tālāb al-‘Ilm Fāridāh ‘Alā Kūlli Mūslim*, dalam kitab *Mūhtāsār Ithāf al-Sādāh al-Māhārāh Bi Zāwā’id al-Māsānid al-‘Asyārāh*, karangan al-Kānāni al-Shafie, Abi al-Abbas Shihab al-Din Ahmad bin Abi Bakr bin Isma’il (tanpa tahun), *Mūhtāsār Ithāf al-Sādāh al-Māhārāh Bi Zāwā’id al-Māsānid al-‘Asyārāh*, jil. 1-2, (Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah), 139-151.

<sup>37</sup> Faradillah Iqmar Omar, *Penerimaan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Dalam Kalangan Mahasiswa Kuis*, (Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa, 2014), 28-38.

<sup>38</sup> Abdul Razak Mahmud, ed., *Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamā’ah, Sebuah Huraian dari Perspektif Ajaran Ahli Sunnah wa Al-Jamā’ah, Sebuah Huraian dari Perspektif Sejarah dan Konsep*, viii.

<sup>39</sup> Abdul Razak Mahmud, ed., *Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamā’ah, Sebuah Huraian dari Perspektif Sejarah dan Konsep*, viii.

## 1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya yang berbeza.<sup>40</sup> Sebelum kedatangan Islam, alam Melayu didominasi oleh beberapa kepercayaan dan agama yang dianuti seperti Animisme, Hindu, dan Buddha.<sup>41</sup> Namun, selepas kedatangan Islam, berlaku perubahan yang ketara dari sudut amalan dan kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat Melayu sama ada dari segi pemikiran dan cara hidup masyarakat setempat. Dari sudut populasi agama hingga kini, Islam merupakan agama paling ramai dianuti dengan kadar 61.3 peratus, diikuti oleh agama Buddha (19.8%), Kristian (9.2%) dan Hindu (6.3%). Selebihnya, iaitu sebanyak 3.4% adalah terdiri daripada kelompok minoriti daripada agama-agama tradisi (1.3%), lain-lain agama (0.4%), tidak beragama (0.7%) dan tidak diketahui (1.0%).<sup>42</sup>

Perkembangan aliran pemikiran Islam merupakan faktor utama dalam pertukaran istilah yang telah lama wujud. Hal ini menjadi cabaran kepada golongan ini bagi menghadapi pelbagai jenis aliran pemikiran terutama dalam kalangan umat Islam sendiri. Cabaran akidah adalah cabaran utama kepada Islam. Cabaran yang menjadi fokus semasa adalah berkaitan kebebasan menganut dan mengamal doktrin yang diisytiharkan salah oleh pihak berautoriti agama.<sup>43</sup> Kesan daripada cabaran akidah inilah fahaman kebebasan dalam menentukan atau memilih akidah bagi orang-orang Islam ialah setiap individu atau kumpulan akan mempunyai kebebasan menentukan doktrin kepercayaan mereka serta juga masih menamakan atau

---

<sup>40</sup> Azizan Baharuddin, Zaid Ahmad, *Kajian Isu Dan Cabaran Hubungan Antara Penganut Agama Di Malaysia* (Institute Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), UPM), 1.

<sup>41</sup> Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin et al., "Pengaruh Islam dalam Perkembangan Intelektual di Alam Melayu," *Jurnal Pengajian Melayu* 25 (2014), 107.

<sup>42</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia. *Anggaran Penduduk Semasa 2017*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

<sup>43</sup> Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, *Cabaran Utama Umat Islam Di Malaysia*, diakses 1 Julai 2020, <https://muftiwp.gov.my/sumber/media/penerbitan/suara-pemikir/2153>

menggelar diri mereka sebagai Muslim atau orang Islam tanpa menghiraukan kriteria-kriteria akidah Islam sebenar. Hal ini bukan sahaja memberikan kebebasan terbuka dan liberal, tetapi juga akan menyebabkan kekeliruan akidah dan seterusnya akan menghakis dan merosakkan akidah umat Islam.

Pada asasnya, masyarakat Melayu yang mengamalkan ajaran agama Islam dilihat sudah rapuh akibat dari serangan ideologi moden yang dicitus oleh pemikir anti Islam. Manakala, perkembangan ilmu dakwah juga masih terbatas di mana dakwah disampaikan oleh para *dā'i* yang berfungsi sebagai pihak yang menyampaikan, memberi, mengajak ke arah amar ma'aruf nahi munkar terutama bagi menempis serangan ideologi moden yang muncul pada zaman ini.

Penulis telah memilih 'Uthman El-Muhammady yang merupakan tokoh utama dalam kajian ini adalah seorang pendakwah dan ulama malah pemikir terkenal yang banyak mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan pemikiran umat Islam di Malaysia. Kemasyhuran 'Uthman El-Muhammady sebagai tokoh yang terbilang dalam dunia akademik adalah berdasarkan dari sudut pemikiran beliau yang lebih kepada fahaman *ahli Sunnah wa al-Jamā'ah*.

Ketokohan beliau dalam bidang pemikiran dan perjuangan menyebarkan dakwah Islam masih kurang dikaji, dianalisis dan dibahas diperingkat sarjana di Malaysia secara umum malah masih baru dalam tesis sarjana sedangkan sumbangan beliau terlalu banyak yang dicurah dalam bidang intelektual untuk memperjuangkan akidah dan pegangan ahli sunnah. Penegasan beliau terhadap perlunya penjagaan akidah bagi mengelak daripada pengaruh aliran pemikiran yang boleh memesongkan

akidah seseorang Muslim. Beliau juga turut menolak idea pluralisme<sup>44</sup>, pasca modernisme<sup>45</sup> dan liberalisme<sup>46</sup>.

Menurut ‘Uthman El-Muhammady, amalan liberalisme barat sangat bercanggah dengan akidah Islam yang menjadi ancaman kepada golongan belia di Malaysia mahupun Nusantara. Antaranya ialah kebebasan manusia perseorangan tanpa batas dan pentakrifan manusia dari segi keinginan-keinginan yang relatif, kebebasan yang tidak terkawal dengan ajaran syari’at dan konsep insan yang bersifat sejagat.<sup>47</sup> Hal ini membawa kepada percanggahan akidah Islam dan boleh menjadikan seseorang itu terpesong akidah hidupnya dari Islam.<sup>48</sup>

Namun, segelintir pemikir Islam telah menerima pakai idea pemikiran liberal<sup>49</sup> meskipun pada dasarnya istilah ‘Islam Liberal’ tidak pernah wujud dalam pegangan ahli sunnah yang berlandaskan kepada al-Quran, *sunnah dan ijma’*.<sup>50</sup>

---

<sup>44</sup> Pluralisme adalah satu fahaman, pemikiran agama yang mengajarkan hak kebebasan beragama, dengan kata lain ialah keluar masuk agama. Sebagai contoh, seseorang Muslim tukar kepada agama Kristian, kemudian masuk pula kepada agama Hindu. Pluralisme ialah fahaman yang mengajarkan semua agama adalah sama rata, tidak ada yang paling baik mahupun yang paling buruk. Ia lebih kepada pemikiran sekular. Lihat John Hick, *The Fifth Dimension*, Oxford: One World, 10, 77-70 dan bukunya, *An Interpretation of Religion: Human Responses to the Transcendent*, (London: Macmillan, 1989 reprinted 1991, 2004), 247.

<sup>45</sup> Pasca Modernisme merupakan pemikiran dan falsafah yang menolak ‘grand narrative’ atau ‘mega narrative’. Fahaman ini menekankan kepada konsep seks dalam menghuraikan tabiat manusia seperti teori Freud; huraian Karl Marx tentang dielektika kebendaan. Seterusnya, menekankan kepada Sainisme sehingga meletakkan manusia di tempat teratas sampai menafikan Tuhan dengan slogan ‘Tuhan sudah mati’. Turut menolak nilai-nilai *absolute* atau mutlak seperti konsep baik buruk, alam ghaib dan menolak aspek kequdusan di dalam ajaran Islam. Lihat, Ismail Mina Ahmad, *Muhammad ‘Uthman El-Muhammady Inteligensia Muslim Kontemporari*, 109.

<sup>46</sup> Liberalisme atau kebebasan merupakan satu falsafah, ideologi pemikiran Barat yang ada dalam agama Kristian pada Zaman Renaissance pada sekitar abad ke-16 dan 17 Masihi. Pemikiran Liberalisme dalam agama mempercayai bahawa masyarakat harus dibebaskan daripada tradisinya. Mereka menolak segala bentuk tafsiran yang dianggap lama dan kolot mengenai agama termasuk hal yang telah menjadi *ijmak* ulama. Lihat, Wan Ismail W Dagang, *Ancaman Pemikiran Aliran Islam Liberal Kepada Umat Islam di Nusantara: Satu Sorotan Kajian*, (2015), 78.

<sup>47</sup> Ismail Mina Ahmad, *Muhammad ‘Uthman El-Muhammady Inteligensia Muslim Kontemporari*, 12-20.

<sup>48</sup> Ibid, 16-20.

<sup>49</sup> Wan Adli Wan Ramli, Menangani Cabaran Liberalisme dalam Kalangan Muslim Berdasarkan Konsep Ijmak, *Jurnal Usuluddin*, (2014), 40, 27-46.

<sup>50</sup> Ibid, 27-46.

Ancaman ini telah membuka mata dan menjadikan tokoh ulama murabbi ‘Uthman El-Muhammady memperjuangkan fahaman pegangan *ahli Sunnah wa al-Jamā’ah* dalam konsep dakwahnya bagi mengelakkan umat Islam terpesong akidah yang boleh menimbulkan kekacauan dan kecelaruan akidah sebagaimana yang pernah berlaku kepada umat terdahulu mahupun ketika ini.

Seterusnya, ulama ‘Uthman El-Muhammady turut menolak aliran pemikiran John Hick. Hal ini dapat diperkukuhkan lagi dengan terbitnya buku dari hasil pemikiran beliau yang bertajuk ‘Falsafah Agama John Hick: Pengamatan Dari Perspektif Ajaran *Ahli Sunnah Wal Jamā’ah*’. Buku ini dihasilkan bertujuan untuk membuat satu pendedahan mengenai pemikiran, doktrin dan konsep pluralisme agama pemikiran John Harwood Hick, iaitu seorang profesor falsafah keagamaan dari England. Pendedahan ini dibuat berdasarkan dari pelbagai permasalahan dan isu yang timbul melibatkan agama dan akidah masyarakat Islam terutama di negara ini.

51

Bagi ‘Uthman El-Muhammady, pendedahan ini penting untuk dibuat kerana aliran pemikiran Hick dan fahaman pluralisme agama sudah melanda dalam masyarakat Islam Malaysia tanpa sedar. Pendedahan mengenai pemikiran John Hick ini merupakan satu inisiatif dan usaha yang mulia dari murabbi ‘Uthman El-Muhammady kerana pemikiran dan ajaran John Hick ini telah diguna pakai oleh sesetengah tokoh dakwah dan politik Melayu Islam di Malaysia.

Selain itu, ‘Uthman El-Muhammady dipilih sebagai tokoh utama dalam kajian ini kerana penulis berpendapat bahawa kaedah yang diguna pakai oleh beliau yang dikupas dengan begitu teliti dan terperinci dalam buku-buku dan makalah

---

<sup>51</sup> Ismail Mina Hj. Ahmad, ed., *Falsafah Agama John Hick, Pengamatan Dari Perspektif Ajaran Ahli Sunnah wal Jamā’ah*, (Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia, 2012), 1-11.

beliau dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada sasaran dakwah. Hal ini kerana ‘Uthman El-Muhammady sangat menitikberatkan pegangan seseorang Muslim yang berlandaskan kepada *al-Quran, Hadith dan Sunnah*.

Tuntasnya, pendekatan dakwah melalui pemikiran ‘Uthman El-Muhammady merupakan salah satu pendekatan dakwah yang diperlukan dalam kalangan masyarakat masa kini. Hal ini kerana masyarakat kini terutamanya generasi belia dan remaja sering berhadapan dengan permasalahan kekeliruan yang melibatkan akidah Islam dalam kehidupan mereka.<sup>52</sup> Manusia merupakan makhluk yang lemah terutamanya melibatkan soal iman dan akidah.<sup>53</sup> Kadang-kadang mereka tidak mampu untuk menghadapi masalah kehidupan yang berat dan mudah terpengaruh dengan fahaman yang bertentangan dengan Islam.<sup>54</sup> Sehubungan dengan itu, manusia memerlukan pertolongan orang lain dalam membantu mereka terhadap permasalahan yang melibatkan hukum-hakam, soal akidah dalam Islam dan dapat membimbing mereka ke jalan yang benar, serta membetulkan cara mereka berfikir.<sup>55</sup> Malah, dapat memulihkan jiwa dan akidah mereka sekaligus mengatasi masalah yang mereka hadapi.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Secara keseluruhannya, kajian ini bermatlamatkan untuk menjawab beberapa persoalan seperti di bawah:-

---

<sup>52</sup> Ismail Mina Ahmad, *Muhammad ‘Uthman El-Muhammady Inteligensia Muslim Kontemporari*, 14.

<sup>53</sup> Nur Atiqah Abdullah, Fatimah Omar, Hubungan Psikologi Positif Dengan Potensi Modal Insan Dan Kreativiti Organisasi Mengikut Perspektif Barat Dan Islam, *Jurnal Psikologi Malaysia*, (2010), 87-91.

<sup>54</sup> Wan Adli Wan Ramli, Menangani Cabaran Liberalisme dalam Kalangan Muslim Berdasarkan Konsep Ijmak, *Jurnal Usuluddin*, (2014), 40, 27-49.

<sup>55</sup> Ibid, 39-46.



1. Apakah konsep dakwah Islam?
2. Apakah latar belakang dan sejarah hidup Muhammad ‘Uthman El-Muhammady?
3. Bagaimanakah konsep dakwah yang dibawa oleh ‘Uthman El-Muhammady?
4. Apakah pemikiran dakwah dan perjuangan yang dibawa oleh Muhammad ‘Uthman El-Muhammady kepada masyarakat Malaysia?

#### **1.4 Objektif Kajian**

Pada amnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis pemikiran dan perjuangan dakwah ‘Uthman El-Muhammady sebagai tokoh murabbi Islam. Antara objektif kajian adalah :-

1. Mengkaji perbincangan konsep dakwah Islam.
2. Mengkaji latar belakang dan sejarah hidup ‘Uthman El-Muhammady.
3. Mengenal pasti konsep dakwah yang dibawa oleh ‘Uthman El-Muhammady.
4. Menganalisa pemikiran dan perjuangan dakwah ‘Uthman El-Muhammady kepada masyarakat Malaysia.

#### **1.5 Skop Kajian**

Skop kajian merangkumi tiga komponen iaitu kronologi, sosial dan lokasi. Dari segi kronologi ia dibahagikan kepada beberapa tahap. Tahap pertama kajian adalah bermula dari seawal sejarah latar belakang kehidupan ‘Uthman El-

Muhammady sehinggalah beliau berjaya dalam memberi sumbangan kepada masyarakat di Malaysia.

Penglibatan beliau dalam dunia akademik menjadikan beliau lebih dikenali dan disegani. Dari segi sosial pula, kajian memfokuskan kepada bidang penulisan makalah dan pemikiran serta perjuangan dakwah ‘Uthman El-Muhammady. Selain itu, penglibatan beliau dalam dunia akademik.

Lokasi kajian dijalankan di tempat kelahiran ‘Uthman El-Muhammady. Walau bagaimanapun, kajian ini juga turut meninjau tempat beliau berkhidmat dalam menyampaikan dakwah ilmu agama serta penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan.

Dalam skop kajian ini, kajian pustaka turut dijalankan untuk mendapatkan maklumat mengenai tokoh cendekiawan Islam ‘Uthman El-Muhammady. Hasil pembacaan dan penelitian dari buku, jurnal, artikel dan sebagainya turut dilakukan terutamanya mengenai konsep dakwah, idea pemikiran dan perjuangan yang dibawa oleh ‘Uthman El-Muhammady.

## **1.6 Limitasi Kajian**

Limitasi kajian ini adalah kekurangan sumber rujukan. Walaupun ‘Uthman El-Muhammady merupakan tokoh agamawan yang agak terkenal di Malaysia, namun masih amat kurang kajian ilmiah terperinci serta menyeluruh mengenai pemikiran beliau yang telah didokumentasi.

Sumber primer kajian adalah petikan tulisan (rasmi) ucapan ‘Uthman El-Muhammady, terjemahan transkripsi ucapan ‘Uthman El-Muhammady melalui rakaman audio video serta tulisan-tulisan ‘Uthman El-Muhammady di majalah serta jurnal. Sumber primer ini walaupun wujud namun dalam sesetengah keadaan agak sukar diperolehi.

Sumber sekunder kajian ‘Uthman El-Muhammady diperolehi melalui laporan akhbar serta ulasan mengenai tulisan beliau. Sumber sekunder ini lebih sukar diperolehi memandangkan masih sangat kurang kajian dijalankan mengenai ‘Uthman El-Muhammady.

Contohnya, ketika penulis menjalankan kajian lapangan di Perpustakaan Awam Negeri Kelantan dan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), penulis mendapati bahawa dokumen, catatan, surat rasmi warkah dan watiqah mengenai ‘Uthman El-Muhammady sukar diperolehi memandangkan segala dokumen tiada dalam simpanan mereka. Penulis hanya memperoleh data majalah ‘Pengasuh’ keluaran Mac tahun 2013 di MAIK yang memaparkan tentang sejarah kehidupan ‘Uthman El-Muhammady. Hal ini merupakan satu cabaran kepada penulis bagi pengumpulan data dalam kajian ini.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian merupakan satu aspek penting dalam sesuatu penyelidikan. Matlamat dakwah meliputi teori dan praktik yang setiap satunya saling berhubung kait antara satu sama lain. Penyelidikan ini memfokuskan kepada pemikiran dan perjuangan dakwah ‘Uthman El-Muhammady yang akan

memperlihatkan kepentingan perjuangan pembangunan dakwah. Antara kepentingannya adalah:

1. Kajian ini boleh menjadi sebagai sumber rujukan kepada para sarjana, pemikir, dan pengkaji tentang dakwah yang dibawa oleh tokoh ulama ‘Uthman El-Muhammady pada masa hadapan.
2. Memberikan informasi dan gambaran yang lebih lengkap tentang pemikiran dan perjuangan ‘Uthman El-Muhammady dalam bidang dakwah.
3. Pemikiran dan perjuangan dakwah ‘Uthman El-Muhammady dapat diketengahkan dalam bentuk akademik kepada masyarakat.

## **1.8 Kajian Literatur**

Menerusi kajian literatur ini, kajian lepas yang dikumpulkan dapat dijadikan sebagai satu rujukan dan gambaran mengenai kajian yang hendak dikaji dalam proses penyelidikan. Penulis mengklasifikasikan tinjauan pemikiran dakwah ‘Uthman El-Muhammady dari hasil karya-karya serta perjuangan beliau dalam menyampaikan dakwah Islam.

Kajian ini meliputi hasil makalah-makalah melalui konsep pemikiran ‘Uthman El-Muhammady dan usaha beliau dalam memperjuangkan dakwah Islamiyyah melalui aktiviti atau program dakwah yang dianjurkan oleh badan-badan NGO tertentu. Hal ini diperkukuhkan lagi apabila beliau menyandang jawatan sebagai Yang Di-Pertua bagi pertubuhan Al-Rahmaniah dan memimpin kepada

terbitan majalah ‘*al-Nur*’ serta penulisan makalah-makalah beliau lebih kepada aspek agama yang merangkumi akidah, akhlak, budaya, kerohanian dan falsafah.<sup>56</sup>

Kajian mengenai pemikiran ‘Uthman El-Muhammady masih baru dalam penulisan dan kajian para pakar, sarjana mahupun di peringkat Doktor Falsafah. Pemikiran dan konsep dakwah yang dibawa oleh ‘Uthman El-Muhammady masih kurang diselidiki dan dikaji secara ilmiah meskipun beliau telah kembali ke rahmatullah pada tahun 2013. Namun, murabbi ‘Uthman El-Muhammady telah meninggalkan hasil penulisan makalah-makalah yang sangat bernilai untuk masyarakat Islam Malaysia mahupun Nusantara.

Terdapat banyak makalah yang dihasilkan oleh ‘Uthman El-Muhammady. Makalah pertama yang bertajuk ‘*Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamā’ah*, sebuah huraian dari perspektif sejarah dan konsep’ telah diterbitkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pada tahun 2014 oleh Abdul Razak Mahmud sebagai editor. Makalah ini membincangkan dan menerangkan pegangan fahaman *ahli Sunnah wa al-Jamā’ah*. Mazhab *ahli Sunnah wa al-Jamā’ah* merupakan mazhab yang paling dominan dalam sejarah umat Islam. Mazhab ini juga merupakan mazhab yang benar, asal serta tepat mengikut ajaran dan amalan umat Islam<sup>57</sup>.

Sejarah perkembangan mazhab ini telah wujud sejak dari awal lagi. Buku ini turut membincangkan mengenai aspek akidah Islam. Akidah yang sah menjadi dasar kepada kehidupan rohaniah dalam Islam. Ia berpandukan kepada al-Quran dan hadith yang sah. Jelas membuktikan dalam ayat-ayat al-Quran bahawa manusia diajak untuk mengenali akidah yang sah dan benar merangkumi kepercayaan

---

<sup>56</sup> Zukifli Dahalan, *Al-Rahmaniah: Sejarah dan Peranan yang Pernah Dimainkan dalam Aktiviti-aktiviti Dakwah Islamiah di Malaysia*, 4.

<sup>57</sup> Abdul Razak Mahmud, ed., *Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamā’ah, Sebuah Huraian dari Perspektif Ajaran Ahli Sunnah wa Al-Jamā’ah, Sebuah Huraian dari Perspektif Sejarah dan Konsep*, 1.

kepada Allah s.w.t, kitab-kitab-Nya, para Rasul-Nya, para Malaikat, hari Akhirat dan Qada' Qadar-Nya. Kepercayaan ini menjadi asas dan tunggak kepada iman seseorang yang boleh mendatangkan kebahagiaan di dunia mahupun di akhirat kelak.

Kedua, buku yang bertajuk 'Falsafah Agama John Hick, Pengamatan Dari Perspektif Ajaran *Ahli Sunnah wal Jamā'ah*' terbitan Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT) pada tahun 2012 oleh Ismail Mina Hj. Ahmad sebagai editor. Buku ini membincangkan tentang pandangan 'Uthman El-Muhammady mengenai John Hick yang banyak mentakrifkan agama dalam pelbagai maksud. Antara salah satunya adalah John Hick menganggap agama itu sebagai pengiktirafan umat manusia tentang adanya sesuatu kuasa ghaib yang bertindak sebagai pengawal segalanya. Beliau juga percaya kepada konsep Tuhan yang bersifat sebagai satu diri atau dewa-dewa berhak untuk ditaati dan disembah.<sup>58</sup>

Beliau juga mentakrifkan bahawa agama yang bersifat sosiologikal ialah satu susunan kepercayaan, amalan dan kelompok di mana manusia terlibat di dalamnya meliputi pelbagai masyarakat. Beliau turut memberi contoh Herbert Spencer<sup>59</sup> yang menyifatkan agama ialah pengiktirafan bahawa semua yang ada adalah manifestasi-manifestasi sesuatu kuasa yang mengatasi ilmu pengetahuan atau juga agama ialah respon manusia kepada apa yang berkaitan dengan Tuhan.<sup>60</sup> Kepentingan dalam buku ini ialah konsep 'pluralisme agama' dalam erti kata lain bahawa semua agama adalah

---

<sup>58</sup> Merujuk kepada *Concise Oxford Dictionary*.

<sup>59</sup> Beliau merupakan seorang ahli falsafah barat yang terkenal sebagai seorang pakar sosiologi. Beliau juga yang memperkenalkan prinsip-prinsip dalam sosiologi. Buku beliau yang terkenal ialah bertajuk '*The Study of Sociology*' yang diterbitkan di England dalam satu siri artikel kajian kontemporari. Lihat, Turner, Jonathan H., Beeghley, Leonard, & Powers, Charles H, *The Emergence of Sociological Theory* (5 ed.), (Belmont. CA: Wadsworth Thomson Learning, 2002), 54-89.

<sup>60</sup> Ismail Mina Hj. Ahmad, ed., *Falsafah Agama John Hick, Pengamatan Dari Perspektif Ajaran Ahli Sunnah wal Jama'ah*, 28.

sama benar dan sama betul dan ianya membawa ke syurga, yang telah diajarkan oleh pemikiran John Hick.

Menurut ‘Uthman El-Muhammady, bagaimana kita sebagai seorang beragama Islam yang beramal dengan ajaran *ahli Sunnah wa al-Jamā’ah* dapat melihat serta menilai pemikiran yang demikian. Maka, dalam buku ini juga turut dibicarakan beberapa aspek ajaran pemikiran John Hick dalam falsafah agamanya mengenai ‘pluralisme agama’ dan bagaimana masyarakat Islam Malaysia memandang kedudukan ajaran yang sedemikian sebagai penganut Islam.

Antara tajuk makalah yang telah dikarang oleh ‘Uthman El-Muhammady ialah salah satunya mengenai ‘Kebudayaan dalam Pandangan Islam’ yang dihasilkan pada tahun 1989. Makalah ini membahaskan tentang Islam dan kebudayaan yang saling bergantung antara satu sama lain. Kebudayaan Islam diperlukan bagi manusia pada zaman kini. Makalah ini turut menghuraikan kedudukan sebenar antara kontemplasi dengan kegiatan lahiriah dalam kehidupan dan peradaban manusia tanpa meminggirkan dari segi mana-mana aspek yang diperlukan. Jelas dapat dilihat, bahawa peradaban masa kini berada dalam lingkungan yang agak merunsingkan dan mencapai tahap bahaya yang cukup besar kerana ia terlalu menekankan tentang soal lahiriah tanpa mempedulikan soal kontemplasi dan kebenaran yang telah diajar oleh agama Islam.

Menurut Idris Zakaria, Islam mempunyai falsafahnya sendiri tentang kebudayaan. Ia berteraskan kepada al-Quran dan hadith. Kebudayaan Islam juga berdasarkan kepada ‘punca-punca’nya. Punca-punca yang dimaksudkan di sini adalah dari segi *wāhyū* (al-Quran), *nubūwāh* (ajaran daripada Nabi Muhammad

s.a.w), serta juga keupayaan manusia dalam usaha pelbagai bidang dari aspek kehidupan yang berlandaskan kepada syariat dan sunnah.<sup>61</sup>

Keupayaan manusia dalam mengerjakan sesuatu kerja disebut sebagai *ijtihad* atau *qiyās*, sebagaimana yang dikenali dalam hukum Islam. Dalam kebudayaan Islam juga jelas terdapat kesedaran dan amalan tentang pentarafan dari sekalian *māujūd*. Bermula dari pentarafan alam semesta sehinggalah kepada kedudukan manusia itu sendiri. Selain itu, kebudayaan Islam juga turut menekankan kepada penghormatan yang diberikan kepada pandangan-pandangan dan amalan-amalan yang ‘asal’ sebagai pedoman. Asal di sini bermaksud yang benar tanpa penyelewengan yang berlandaskan kepada pegangan *ahli Sunnah wa al-Jamā’ah*.

Makalah kedua yang dihasilkan pada bulan Ogos tahun 2004 oleh ‘Uthman El-Muhammady ialah bertajuk ‘Martabat Tujuh’.<sup>62</sup> Makalah ini membincangkan mengenai ‘Martabat Tujuh’ mengikut pandangan ahli-ahli ulama serantau dan *ahli Sunnah wa al-Jamā’ah*. Imam al-Ghazali dalam kitab beliau yang terkenal iaitu *Ihyā’ ‘Ulūm ‘al-Dīn*<sup>63</sup> telah membahagikan tasawuf kepada dua bahagian iaitu *tasawuf mū’amālāh* dan *tasawuf mūkasyāfah*. Bagi *tasawuf mū’amālāh* ini merangkumi aspek berkenaan dengan isu-isu seperti bersuci, beribadat, termasuk juga soal-soal yang berkaitan dengan kehidupan seperti nikah-kawin, kehidupan berjiran, usaha mencari rezeki yang halal dan sebagainya.

Manakala, *tasawuf mūkasyāfah* ini pula merangkumi aspek berkenaan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepada hakikat-hakikat tentang roh dan jiwa,

---

<sup>61</sup> Idris Zakaria, Islam dan Falsafahnya Dalam Kebudayaan Melayu, *Jurnal Hadhari Special Edition*, (2012), 91-108.

<sup>62</sup> Muhammad ‘Uthman El-Muhammady, *Martabat Tujuh*, Seminar Tasawuf anjuran oleh Jabatan Agama Negeri Sembilan, Allison Kelana Resort Seremban, (2004).

<sup>63</sup> Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad, *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, (Mansurah: Maktabah *al-Imān li al-Nāsyir wa al-Tāwzi*’, 1996), 123.



hakikat ketuhanan, hubungan Tuhan dengan alam, hal-hal alam yang kekal abadi dan sebagainya. ‘Martabat Tujuh’ ini termasuk dalam bahagian atau bidang *tasawuf mūkasyāfah* ini.

Menurut ‘Uthman El-Muhammady, sebutan mengenai ‘Martabat Tujuh’ ini dikaitkan dengan tokoh di Aceh iaitu Hamzah Fansuri<sup>64</sup> dan muridnya Syamsuddin al-Sumatrani<sup>65</sup> atau Syamsuddin Pasai serta juga Abdul Rauf Singkel<sup>66</sup> sekitar pada abad ke-16 dan ke-17. Tokoh terkemuka Hamzah Fansuri mengeluarkan fahamannya dan pengalamannya melalui tulisan prosa dan puisi dan beliau muncul sebagai ahli puisi sufi yang teragung di rantau ini. Dalam hasil karangan dan makalah beliau, beliau mengeluarkan kata-kata yang menyatakan tentang ‘keesaan yang wujud’ (*‘wahdātūl-wūjud*) yang terkait dengan nama Ibnu ‘Arabi<sup>67</sup> yang terkenal itu.

Terdapat tuduhan dakwaan daripada sesetengah pihak terutamanya Syed Nuruddin al-Raniri yang mengatakan bahawa Hamzah Fansuri telah mengamalkan tarikat *Qādiriyyāh*<sup>68</sup>. Tetapi dakwaan ini adalah tidak benar dan tidak ada sebarang

---

<sup>64</sup> Al-Attas, Syed Muhammad al-Naqib, *The Mysticism of Hamzah Fansuri*, (Kuala Lumpur: the University of Malaya Press, 1970).

<sup>65</sup> Martin Van Bruinessen, *Studies of Sufism And The Sufi Orders In Indonesia*, BRILL. *Die Welt des Islams, New Series*, (1998), 38, 2, 192-219.

<sup>66</sup> Jelani Harun, *Mir’āt Al-Tullāb By Abdul Rauf Singkel: A Preliminary Study of Manuscripts Kept In The Special Collections, Leiden University Library*, (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2015), 26, 2.

<sup>67</sup> Ibnu ‘Arabi berasal daripada keluarga Arab yang terkenal dengan kuat pegangan agama serta berpengaruh. Lahir pada 27 Ramadhan 560 Hijrah (1165 Masihi). Beliau tergolong dalam keluarga sufi. Mendapat pendidikan awal dan membesar dengan pendidikan al-Quran dan ilmu *Qira’at* daripada beberapa orang guru. Antaranya ialah Abu Bakar Muhammad bin Khalaf al-Lakhami al-Asybili, abu al-Hasan Muhammad bin Syarih al-Ra’ni dan Abu Qasim ‘Abd al-Rahman bin Muhammad al-Qurtubi. Terkenal juga dengan siri pengembaraan yang mempengaruhi syaksiah beliau. Pengembaraan ini terbahagi kepada tiga tahap. Tahap pertama ialah ketika merantau selama sepuluh tahun ke beberapa tempat di Andalus antara tahun 1184-1194 Masihi. Tahap kedua pula ialah beliau berulang alik ke utara Afrika dan Andalus antara tahun 1193-1200 Masihi. Manakala, tahap ketiga ialah pengembaraan beliau ke sebelah Timur selama lebih kurang 23 tahun termasuk Mekah, Baghdad, Kaherah iaitu dari tahun 1200-1223 Masihi. Lihat, Zakaria Stapa, *Ibnu ‘Arābi Tokoh Sufi*.

<sup>68</sup> *Qādiriyyāh* berasal daripada perkataan al-Qadr. Perkataan ini merujuk kepada pengertian kuasa, kebebasan kehendak manusia membuat pilihan iaitu untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan. Allah s.w.t tidak berkuasa ke atas perbuatan manusia. Lihat, Ali, Wan, dan Wan Zailan Kamaruddin, "Aliran al-Qadariyyah: perkembangan, pengaruh dan

bukti yang jelas bertulis dari makalah-makalah Hamzah Fansuri yang menunjukkan beliau mengikut fahaman *Qādiriyyāh* ini<sup>69</sup>. Pendekatan Syed Nuruddin al-Raniri yang sebegini terhadap Hamzah Fansuri dilabelkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas<sup>70</sup> sebagai “smear campaign”<sup>71</sup>, iaitu taktik memburukkan sesuatu fahaman “sehitam yang boleh”<sup>72</sup> sebelum mengaitkannya dengan sesuatu tokoh iaitu dalam kes ini tokoh tersebut adalah Hamzah Fansuri.

Walau bagaimanapun, ajaran ‘Martabat Tujuh’ yang dibicarakan dalam makalah ini tidak meruntuhkan syariat, tetapi disarankan supaya syariat diamalkan dengan sebaik mungkin. Kemudian ditanamkan bagi kesedaran dalam diri seorang mukmin supaya ketakwaan itu mencapai tahap ‘*ihsān*’ yang tinggi dalam hati. Sehubungan dengan itu, maka tergabunglah antara ketaatan terhadap *syarā’* dan ketinggian iman seorang mukmin serta keikhlasan. Namun, perbincangan mengenai ‘Martabat Tujuh’ yang telah difahami oleh ahlinya sebenarnya adalah harmonis dan mendapat tempat dalam wacana ilmu ahli sunnah.

Seterusnya, makalah ketiga yang dihasilkan pada bulan Julai tahun 2002 oleh ‘Uthman El-Muhammady ialah bertajuk ‘Orientalisme<sup>73</sup> dan Sekularisme<sup>74</sup>’. Beliau

---

kesannya di alam Melayu dan khususnya di Malaysia," *Jurnal Pengajian Melayu* 12 (2002), 49-76.

<sup>69</sup> Lihat, Ummi Zainab Mohd Ghazali, Muhammad Azizan Sabjan, ‘*Riwayat Hidup & Unsur Metafizik Pemikiran Hamzah Fansuri: Perspektif Dari Sudut Pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas*’, (2019), 1-16.

<sup>70</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas merupakan pemikir Islam yang tidak asing lagi dalam sejarah dunia intelektual umat Islam. Nama penuh beliau ialah Syed Muhammad Naquib ibn Ali ibn Abdullah ibn Muhsin al-Attas. Beliau turut dikenali sebagai pemikir yang pakar dalam bidang sejarah, teologi, falsafah dan tasawuf. Beliau dilahirkan pada 5 September 1931 di Bogor, Jawa Barat. Salasilah keturunan Syed Muhammad Naquib al-Attas merupakan salasilah *sayyid* dalam keluarga Ba’alawi di Hadramaut dengan salasilah melalui Imam Hussein iaitu cucu kepada Nabi Muhammad s.a.w. Ibunda beliau ialah Syarifah Baqan al-Aidarus yang berasal dari Bogor, Jawa Barat berketurunan ningrat Sunda di Sukapura. Lihat, Abdul Ghoni, “Pemikiran Pendidikan Naquib al-Attas Dalam Pendidikan Islam Kontemporer”, *Jurnal Lentera*, 3, 1, (2017), 197-198.

<sup>71</sup> *The Mysticism of Hamzah Fansuri*, 52.

<sup>72</sup> “As black as possible”, *ibid*, 52.

<sup>73</sup> Orientalisme merupakan suatu gerakan yang muncul pada zaman moden. Gerakan ini dipelopori oleh segolongan pemikir barat yang memepunyai matlamat, falsafah dan ideologi